

Amalan prinsip hijrah pemangkin kecekapan penjawat awam



Oleh Dr Ahmad Nasir Mohd Yusoff
bhrencana@bh.com.my

Dalam era global dan digital kian menca-
bar ini, falsafah hijrah mempunyai kaitan
mendalam dalam membangun peradaban
penjawat awam lebih dinamik dan pro-
gresif.

Hijrah bukan sekadar perpindahan fizi-
kal dari satu tempat ke tempat lain, tetapi
juga merangkumi perubahan minda, sikap
dan budaya kerja ke arah lebih baik.

Justeru, prinsip hijrah dapat diamalkan
dalam konteks penjawat awam untuk
mencipta peradaban lebih unggul dan berdaya
saing pada zaman serba mencabar ini.

Falsafah hijrah mengajarkan kita pentingnya
transformasi minda dan sikap termasuk penjawat
awam. Penjawat awam perlu mengubah cara ber-
fikir mereka daripada konvensional kepada lebih
inovatif dan kreatif.

Pada era digital, dengan penggunaan kepintaran
buatan (AI), penjawat awam harus peka terhadap
perkembangan teknologi ini untuk mengintegra-
sikan teknologi terkini dalam tugas harian.

Namun, nilai murni seperti amanah, integriti dan
tanggungjawab adalah teras kepada falsafah hijrah.

Pensyarah Kanan,
Jabatan Pengajian
Kenegaraan dan
Ketamadunan, Fakulti
Ekologi Manusia,
UPM

Dalam konteks penjawat awam, nilai ini perlu di-
terapkan secara konsisten untuk memastikan per-
khidmatan diberikan berkualiti dan beretika.

Paling utama, penjawat awam perlu berusaha
menjalankan tugas dengan penuh integriti, meng-
hindari penyalahgunaan kuasa dan sentiasa me-
ngutamakan kepentingan awam.

Hijrah juga menuntut kita beradaptasi dengan
perubahan zaman, termasuk penggunaan teknologi
digital. Pada era globalisasi ini, teknologi digital
memainkan peranan penting dalam meningkatkan
kecekapan dan produktiviti penjawat awam.

Justeru, penjawat awam perlu diberi latihan dan
pendedahan kepada teknologi ini supaya mereka
dapat menggunakan dengan berkesan dan bi-
jaksana.

Falsafah hijrah turut mengajar pentingnya ilmu
dan pengetahuan dalam mencapai kejayaan. Dalam
hal ini penjawat awam perlu diberi peluang me-
ngikuti latihan, kursus dan program pembangunan
profesional berterusan.

Ini akan membolehkan mereka memperkaya pe-
netahuan, meningkatkan kemahiran dan menguasai
bidang relevan dengan tugas mereka. Apabila
memiliki kompetensi tinggi, penjawat awam dapat
memberikan perkhidmatan lebih berkualiti dan
berinovasi.

Falsafah hijrah juga menekankan pentingnya
kerjasama dan sinergi dalam mencapai matlamat
bersama. Penjawat awam perlu mengamalkan bu-
daya kerja berpasukan, saling menyokong dan me-
lengkapi antara satu sama lain.

Sementara itu, kerjasama antara agensi keraja-
an, sektor swasta dan masyarakat adalah kunci
kepada kejayaan proses hijrah berterusan ini. Ber-
pegang kepada falsafah hijrah akan menjadi pan-
duan berharga untuk membangun peradaban pen-
jawat awam.

Di samping itu, perkhidmatan melangkau jang-
kaan juga kunci kepada kejayaan ini. Penjawat
awam perlu memberikan perkhidmatan yang me-
lebihi jangkaan rakyat.

Hal lain boleh dilakukan adalah melalui penye-
lidikan relevan dan berimpak tinggi dalam me-
mastikan keberhasilan strategi hijrah ini, supaya
dapat menyelesaikan masalah kritikal dalam ma-
syarakat dan memperkenalkan inovasi boleh me-
ningkatkan kualiti hidup rakyat.

Dengan mengamalkan prinsip hijrah seperti
transformasi minda, penerapan nilai murni, peng-
gunaan teknologi digital, pembangunan kompeten-
si dan kerjasama secara holistik, penjawat awam
mampu lebih berdaya saing dan efektif dalam men-
jalankan tugas.